

menjalankan kegiatan, Persisi telah terhutang sebanyak \$30,000. Bagaimanapun, hutang itu telah dilangsaikan kemudian.

Mengenai dakwaan Haji Ya'acob bahawa beliau tidak diberitahu dan disertakan dalam mesyuarat Persisi, Haji Rahim berkata Persisi sentiasa melaporkan kegiatannya kepada Presiden melalui surat dan menganggap dakwaan itu tidak betul.

Haji A. Rahim menambah bahawa Persisi juga tiada membincangkan sama ada seorang Anggota Parlimen Islam akan diambil untuk menggantikan tempat Haji Ya'acob.

Sebelum ini, Encik Ibrahim Othman, Anggota Parlimen Tanah Merah, disebut-sebut sebagai orang yang sesuai menggantikan Haji Ya'acob.

Malah, yang dipilih menjadi Presiden di akhir mesyuarat itu, juga mempersoalkan bentuk sumbangan yang boleh diberikan oleh seseorang AP untuk memajukan dan meluaskan kegiatan pencak silat di sini mahupun di luar negeri.

Haji Ya'acob bangun menjawab. Katanya, beliau menjadi Presiden Persisi selama ini, walaupun lebih sebagai simbolik, adalah atas gesaan Majlis Sukan Singapura dan para pengasas Persisi sendiri.

Penghalang

Beliau juga berkeinginan untuk memajukan warisan budaya itu.

Oleh kerana sering bertugas di luar Singapura, tempatnya dipangku oleh Timbalan Presiden, Haji Sidek Saniff, yang kemudian meletak jawatan (lihat laporan sampingan).

Haji Ya'acob kemudian menjelaskan beberapa sebab beliau sendiri meletakkan jawatan Presiden. Antaranya, beliau terasa dirinya benar-benar dijadikan setakat 'simbolik' meskipun sudah pulang ke Singapura.

Menurutnya, biarpun beliau ada menerima surat, tidak seorang pun anggota jawatan kuasa Persisi yang secara rasmi menghubunginya untuk membincangkan ehwal Persisi atau mempengerusikan



• DARI hati ke hati — sama-sama puas selepas perdebatan hangat dan mereka saling bersalaman dan bermaafan.

TUKILAN

SEJAK penubuhannya 10 tahun lalu, Persisi yang belum tahu 'berjalan' sudah dipaksa berlari kerana ketiadaan 'bapa' di dalam negeri dan 'abang long' yang meletak jawatan.

Bapa yang dimaksudkan ialah Presiden ketika itu, Haji Ya'acob, yang sering berada di luar negeri sebagai duta dan 'abang long' pula ialah bekas Timbalan Presiden, Haji Sidek Saniff, yang telah meletakkan jawatan.

mesyuarat.

Beliau mendakwa tidak diberitahu tentang keputusan untuk mengirim rombongan pesilat ke satu pertandingan silat di Vienna baru-baru ini.

Beliau berasa kecewa kerana surat yang dikirimkan kepadanya di-

ngertian seolah-olah selama ini Haji Ya'acob menjadi batu penghalang terhadap perubahan pucuk pimpinan Persisi.

Bermaafan

Lantaran itulah, beliau kemudian menolak tawaran untuk menjadi penasihat kerana beliau khawatir beliau hanya akan dijadikan 'tunggul' sahaja.

Haji A. Rahim menjelaskan bahawa Persisi jujur meminta khidmat bakti Haji Ya'acob.

Perdebatan hangat di depan kira-kira 45 anggota yang mewakili anggota kerabat Persisi itu berakhir dengan ucapan terima kasih dan saling bermaaf-maafan.

Malah, Haji Ya'acob berkata, beliau akan terus menyokong perjuangan Persisi.

Sebelum meninggalkan mesyuarat itu, beliau menukil kekata pahlawan Hang Tuah, 'Takkan Melayu hilang di dunia'.

tandatangan oleh seorang yang bernama 'Joe Harry' (lihat laporan sampingan).

Beliau juga kecil hati kerana dalam surat jawapan Persisi kepada surat perletakan jawatannya, terdapat kata-kata yang memberi pe-

28 OCT 1986